



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**KENYATAAN AKHBAR  
TINDAKAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN TERHADAP  
PENYALAHGUNAAN BAUCAR BUKU 1MALAYSIA (BB1M)**

---

Kementerian Pendidikan Tinggi sedang dan akan terus melaksanakan tindakan untuk mengatasi masalah penyalahgunaan BB1M.

Tindakan pemantauan dan penguatkuasaan terus dilaksanakan. Pada masa ini, Kementerian sedang membuat semakan ke atas 10 syarikat buku yang telah membuat penebusan di Bank Simpanan Nasional (BSN). Sekiranya di dapati syarikat-syarikat tersebut tidak menjalankan perniagaan menjual buku, tindakan undang-undang akan diambil. Sebelum ini sebanyak empat (4) penjual telah disenarai hitam.

Di samping itu juga, Kementerian telah menghantar senarai 50 pelajar ke IPT masing-masing untuk mendapat penjelasan terhadap aktiviti penebusan yang mencurigakan. Laporan dari IPT masing-masing akan dijadikan asas untuk tindakan tegas selanjutnya. Kementerian bekerjasama erat dengan BSN untuk mengenal pasti pelajar-pelajar tersebut.

Proses pendaftaran pekedai buku yang menyertai BB1M pada tahun ini juga diperkemas dengan mendapat kerjasama dari Persatuan Industri Buku Malaysia bagi memastikan hanya peniaga buku yang disahkan sahaja diluluskan oleh Kementerian. Sehingga kini sebanyak 14 permohonan telah ditolak.

Kementerian juga mengambil maklum tangkapan yang dibuat oleh pihak Polis ke atas sindiket penebusan BB1M seperti dilaporkan hari ini dan akan bekerjasama untuk memastikan pihak-pihak yang terbabit khususnya pelajar dikenakan tindakan yang tegas.

Kementerian juga sedang mengkaji kaedah-kaedah pengurusan BB1M untuk tahun hadapan bagi mengatasi masalah yang dihadapi. Ini termasuklah cadangan pengedaran dan penebusan secara *on-line* dan tanpa baucar pada masa hadapan.

**Kementerian Pendidikan Tinggi  
Putrajaya**

**21 April 2016**